

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 5 JULAI 2024  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 24

## Banci Pertanian 2024 bermula Ahad

# Banci Pertanian 2024 bermula Ahad

Akan dijalankan selama tiga bulan selepas kali terakhir 19 tahun lalu

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN SERDANG**

Setelah hampir 19 tahun tidak dilaksanakan, Banci Pertanian 2024 akan dijalankan selama tiga bulan bermula Ahad ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, banci tersebut merangkumi empat subsektor iaitu tanaman, ternakan, perikanan dan akuakultur, perhutanan serta pembalakan.

"Operasi kali ini meliputi lebih 20,000 pertubuhan berdaftar, institusi, koperasi dan persatuan.

"Turut disasarkan sekurang-kurangnya 1.3 juta tempat ke-

diaman pengusaha dan pemilik pertanian," katanya dalam ucapan sempena peluncuran Banci Pertanian 2024 di sini pada Khamis.

Menurutnya, inisiatif tersebut dapat meningkatkan ketersediaan data yang komprehensif, masa sebenar, berkala dan bermanfaat kepada pelbagai pihak.

"Data banci yang komprehensif akan menjadi sumber teknikal untuk sektor pertanian, khususnya menjadi input utama kepada penyediaan Rancangan Malaysia ke-13 (RMK-13) ke-'lak," katanya.

Ujar beliau, pelaksanaan Banci Pertanian merupakan agenda bagi pengukuhan sistem statistik pertanian negara.

"Melalui banci ini, kerajaan dapat mewujudkan kerangka data pertanian yang merangkumi aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar dalam ekosistem pertanian," katanya.

Fadillah yang juga Pengerusi Majlis Statistik Data Negara berkata, melalui Banci Pertanian 2024, negara akan mendapat manfaat daripada pembangu-



Fadillah (tengah) bersama Mohamad (dua dari kiri) dan Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Datuk Nor Azmie Diron (kiri) pada majlis Peluncuran Banci Pertanian 2024 di Serdang pada Khamis.

nan Pangkalan Data Statistik Pertanian Bersepadu yang merangkumi data pertanian di peringkat hulu dan hilir serta menggabungkan data banci dengan data pentadbiran daripada pelbagai agensi sehingga ke peringkat negeri dan daerah.

"Ketersediaan data Banci Ekonomi (BE) 2023 yang telah dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

ke atas 1.2 juta pertubuhan berdaftar di seluruh negara pada tahun lepas turut dimanfaatkan dalam membangunkan pangkalan data ini," jelasnya.

Turut hadir, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu serta Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin.

Tambah Fadillah, data tersebut merentasi pelbagai sektor ekonomi, daripada hulu dan

perti pengeluaran pertanian di ladang sehingga kepada aktiviti hiliran seperti industri pembuatan produk asas tani dan penyedia perkhidmatan antaranya aktiviti pengangkutan, pemasaran, restoran, penginapan serta peruncitan.

"Semua ini amat diperlukan oleh negara dalam pembuatan keputusan tepat dan bagi pelaksanaan program pertanian yang berkesan," katanya.

FOTO: ROSLI TALIB